

SEJARAH

Bab 1 - 8

SOALAN OBJEKTIF

Jawab semua soalan

BAHAGIAN A

- 1 Rajah berikut menunjukkan kedudukan sultan dalam sistem pemerintahan beraja.



Mengapakan sultan bagi setiap negeri amat dihormati dan didaulatkan oleh rakyat jelata?

- A Dianggap suci
 - B Takut ketulahan
 - C Lambang kestabilan politik
 - D Lambang kedaulatan negeri
- 2 Dalam hierarki pemerintahan di Negeri Sembilan, jawatan yang paling bawah ialah
- A Undang
 - B Buapak
 - C Lembaga
 - D Anak Buah
- 3 Siapakah pemimpin yang mentadbir kepulauan Riau Lingga pada abad ke-16 hingga abad ke-19?
- A Sultan Iskandar al-Haj
 - B Sultan Abdul Rahman
 - C Sultan Ibrahim Iskandar
 - D Temenggung Abdul Rahman
- 4 Apakah tujuan British berusaha untuk menguasai Pulau Pinang?
- A Menyekat kuasa Barat yang lain
 - B Memerlukan pusat pengumpulan barang
 - C Menyaingi pelabuhan Betawi yang dikuasai oleh Belanda
 - D Pulau Pinang kaya dengan sumber galian dan subur dengan lada hitam
- 5 Mengapakah Sultan Abdullah terpaksa menandatangani perjanjian dengan Francis Light pada tahun 1791?
- A Tentera baginda ditewaskan oleh Francis Light
 - B Untuk mengiktiraf Seberang Prai di bawah takluk SHTI
 - C Francis Light mahu menyekat perdagangan Kedah dengan Belanda
 - D Baginda mahu dibayar pampasan kerana bersetuju menyerahkan Pulau Pinang kepada British.
- 6 Bagaimanakah cara British menyekat perkembangan pelabuhan Betawi yang dikuasai oleh Belanda?
- A Menandatangani perjanjian dengan Belanda
 - B Meluaskan kekuasaan terhadap pelabuhan Singapura
 - C Membuat perjanjian dengan kerajaan Betawi untuk menguasai pelabuhan Betawi
 - D Menyekat kapal-kapal dagang yang mahu singgah di pelabuhan Betawi agar singgah di pelabuhan Melaka
- 7 Apakah faedah yang diperoleh British apabila Belanda mengundurkan pengaruhnya dari Tanah Melayu?
- A Menjadi kuasa besar terhadap Asia Tenggara
 - B Dapat menumpukan ekspedisi ketenteraan ke India kerana tiada ancaman Belanda
 - C Membuka peluang kepada British untuk meluaskan kuasa ke negeri-negeri Melayu
 - D Dapat mengancam kedudukan Raja-raja Melayu agar berdagang dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris

- 8 Senarai berikut menunjukkan bandar yang wujud pada akhir abad ke-19.

- Bandar Gopeng
- Ipoh
- Batu Gajah
- Kampar

Apakah penyebab utama kewujudan bandar-bandar tersebut?

- A Perak dikuasai British
B Pelombong Cina membuka petempatan di situ
C Perkembangan kegiatan perlombongan bijih timah
D Bandar tersebut dijadikan pusat pengumpulan sumber galian
- 9 Bagaimanakah penduduk Pulau Pinang yang dikuasai British memperoleh bekalan makanan?
A Memperoleh bekalan pertanian dan penternakan dari Kedah dan Perlis
B Mendapat sumber bekalan makanan daripada pedagang China dan India
C Melalui pedagang daripada pelabuhan Betawi yang singgah di pelabuhan Pulau Pinang
D Memperoleh sumber bekalan daripada Kelantan dan Terengganu melalui Singapura
- 10 Mengapakah Siam mengarahkan Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis menghantar bunga emas kepadanya?
A Mengelakkan serangan Siam
B Mengakui ketuanan dan kepatuhan kepada kuasa Siam
C Untuk memberikan bantuan ketenteraan kepada negeri tersebut jika diserang British
D Sebagai tanda persahabatan kerana negeri tersebut mempunyai hubungan perdagangan dengan Siam
- 11 Apakah matlamat utama Syarikat Borneo Utara British semasa meluaskan kuasanya di Sabah?
A Mahu menempatkan Penasihat British di Sabah
B Mahu menempatkan seorang gabenor untuk mentadbir Sabah
C Mahu menguasai pelabuhan di Sabah daripada persaingan kuasa Barat yang lain
D Mahu membangunkan ekonomi melalui eksploitasi sumber yang terdapat di Sabah

- 12 Senarai berikut menunjukkan kawasan perlombongan arang batu oleh kuasa Barat di Sabah.

- Silimpopon
- Sandakan
- Labuan

Apakah nama pemodal yang telah melabur dalam kegiatan perlombongan arang batu di Sabah?

- A Syarikat Borneo Berhad
B Syarikat Cowie Harbour Coal
C Syarikat Malayan Tin Dredging
D Syarikat Perlombongan Orang Cina
- 13 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri sekolah vernakular Tamil?
I Hanya terbatas di sekolah rendah
II Guru yang mengajar dibawa dari India
III Sekolah dibina di kawasan bandar besar
IV Murid-murid berpeluang melanjutkan pelajaran ke India
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 14 Apakah jenis penyakit yang dijadikan kajian oleh Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur?
I Taun
II Malaria
III Beri-beri
IV Kudis buta
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 15 Maklumat berikut berkaitan perkhidmatan kesihatan yang dibangunkan oleh British.

Sanitary Board

Apakah tujuan penubuhan perkhidmatan tersebut?

- A Menjaga kesihatan pelombong Cina
B Menempatkan masyarakat yang berpenyakit kusta
C Mengawasi kebersihan dan kesihatan bandar Kuala Lumpur
D Melaksanakan penyelidikan saintifik yang ditumpukan kepada penyakit tropika

- 16 Gambar berikut menunjukkan tokoh tempatan yang menentang British.



Apakah tindakan British yang menyebabkan tokoh tersebut bertindak menentang British di Pahang?

- A British telah membuka balai polis tanpa keizinannya
 - B British telah menandatangani perjanjian dengan sultan untuk memungut cukai di Lubuk Trua
 - C British dengan bantuan Mat Kilau telah menangkap wakil Dato' Bahaman yang sedang mengutip cukai
 - D British telah memaksa sultan melucutkan gelaran Dato' Setia Pahlawan Semantan dan membentuk daerah di bawah pentadbiran Pemungut Cukai dan Majistret
- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan pembesar tempatan yang menentang British.

Haji Hassan bin Munas

Berikut merupakan sebab penentangan beliau, **kecuali**

- A Beliau bersemangat jihad menentang British
- B Beliau dilarang membuka tanah baharu
- C Beliau menentang peraturan cukai yang diperkenalkan
- D Beliau menentang kekerasan pentadbiran Ketua Jajahan Pasir Putih

- 18 Mengapakah penentangan penduduk tempatan terhadap British menemui kegagalan?

- A British menggunakan kuasa istana
- B Pembesar mudah disogokkan dengan jawatan
- C Penduduk tidak bersatu padu dan bersikap perkauman
- D Penduduk tidak mahir menggunakan senjata moden yang dirampas daripada British

- 19 Apakah yang terjadi kepada Haji Abdul Rahman Limbong dalam usaha beliau menentang penguasaan British di Terengganu?

- A Beliau telah terbunuh dalam pertempuran di Telemong
- B Beliau telah ditangkap dihukum gantung oleh British
- C Beliau telah ditangkap, dibicarakan dan dibuang negeri Ke Makkah
- D Beliau telah ditawarkan jawatan sebagai penghulu Telemong dan berdamai dengan British

- 20 Bagaimanakah cara untuk kita berasa bangga dengan kestabilan dan kemakmuran negara kita?

- A Bekerja bersungguh-sungguh
- B Sentiasa menghormati pemimpin negara
- C Menjadi rakyat yang setia dan taat akan pemerintah
- D Berusaha untuk membangunkan negara dan mempertahankan identiti bangsa